

Bisnes

Bank masih ambil pekerja

KUALA LUMPUR 2 Ogos – Bank-bank tempatan masih giat mengambil kakitangan baru meskipun dalam kelembapan ekonomi disebabkan krisis kewangan global sekarang, kata Ketua Program Memperkaya Bakat Sektor Kewangan (FSTEP), Lee Khee Joo.

Khee Joo berkata, ini terbukti melalui minat mendalam yang ditunjukkan oleh bank-bank dalam mengambil lepasan FSTEP.

Beliau berkata, kesemua 290 peserta daripada pengambilan pertama yang tamat latihan Disember tahun lepas berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan.

Khee Joo berkata, institusi kewangan juga telah mengambil bekerja pelajar kumpulan kedua FSTEP, yang baru sahaja menamatkan latihan pada akhir Jun tahun ini.

“Bank-bank ini masih mengambil pekerja. Ini dapat dilihat melalui cara mereka mengambil orang kami,” katanya dalam satu wawancara baru-baru ini. -BERNAMA